



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 623**

## **AKTA LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2002**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

**AKTA LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN  
ISLAM 2002**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 24 Julai 2002

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 1 Ogos 2002

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama ... .. 2004*

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 623****AKTA LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN  
ISLAM 2002**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

## Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Keperibadian juridikal dan meterai perbadanan Lembaga
4. Sekretariat Lembaga
5. Organ-organ konstituen Lembaga
6. Pemberikuasaan untuk menandatangani Perjanjian dan menjadi anggota Lembaga
7. Kuasa Menteri untuk memberikan keistimewaan dan kekebalan
8. Tiada kekebalan dalam keadaan tertentu
9. Penepian
10. Kuasa untuk melantik wakil

## JADUAL



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 623

#### AKTA LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2002

Suatu Akta bagi membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi anggota Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dengan menandatangani dan menyetujui terima Perjanjian penubuhan Lembaga dan untuk memberikan kuasa-kuasa, keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan tertentu kepada Lembaga serta organ-organ konstituennya dan perkara yang berkaitan dengannya.

[3 November 2002]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh \*Perjanjian disempurnakan iaitu tarikh bilamana sekurang-kurangnya lima anggota penuh Lembaga telah menandatangani Perjanjian dengan sewajarnya.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Anggota” termasuklah anggota penuh dan apa-apa kategori lain bagi anggota sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian;

---

\*CATATAN—Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Gabenor *Bahrain Monetary Agency*, Gabenor Bank Indonesia, Gabenor Bank *Markazi Jomhuri Islami* Iran, Gabenor Bank Negara Kuwait, Gabenor Bank Negara Malaysia, Gabenor *State Bank of Pakistan*, Gabenor *Saudi Arabian Monetary Agency*, Timbalan Gabenor Bank Sudan dan Presiden *Islamic Development Bank*.

“anggota Jawatankuasa Teknikal” ertinya seseorang yang dilantik oleh sesuatu Anggota untuk mewakilinya dalam Jawatankuasa Teknikal;

“anggota Majlis” ertinya seseorang yang dilantik oleh sesuatu Anggota untuk mewakilinya dalam Majlis;

“anggota penuh” ertinya—

- (a) pihak berkuasa pengawal selia perbankan atau kewangan yang utama bagi sesuatu negara;
- (b) suatu organisasi antarabangsa antara kerajaan yang bertanggungjawab untuk memajukan kewangan atau pasaran Islam; atau
- (c) mana-mana orang lain,

yang diterima sebagai anggota penuh oleh Majlis;

“anggota Sekretariat” ertinya mana-mana pegawai atau kakitangan Lembaga;

“Bank” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan melalui Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*];

“Jawatankuasa Teknikal” ertinya Jawatankuasa Teknikal Lembaga;

“kepentingan negara” ertinya apa-apa perkara yang bermanfaat atau amat penting bagi Malaysia termasuk kepentingan keselamatan, ekonomi, sosial dan politik;

“Lembaga” ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang ditubuhkan melalui Perjanjian;

“Majlis” ertinya Majlis Lembaga;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“organ-organ konstituen” ertinya Perhimpunan Agung, Majlis, Jawatankuasa Teknikal dan Sekretariat;

“Perhimpunan Agung” ertinya Perhimpunan Agung Lembaga;

“Perjanjian” ertinya perjanjian bagi penubuhan Lembaga yang Bank diberi kuasa di bawah seksyen 6 Akta ini untuk menandatangani dan menyetujui terimanya untuk menjadi anggota penuh Lembaga dan termasuk apa-apa pindaan, tambahan, ubah suaian atau perubahan yang dibuat dari semasa ke semasa;

“Sekretariat” ertinya Sekretariat Lembaga;

“Setiausaha Agung” ertinya Setiausaha Agung Lembaga dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis untuk bertindak bagi pihaknya semasa ketiadaannya, dan mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis untuk bertindak sebagai Setiausaha Agung semasa tempoh kekosongan jawatan Setiausaha Agung.

### **Keperibadian juridikal dan meterai perbadanan Lembaga**

3. (1) Lembaga hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan keupayaan undang-undang yang perlu bagi menjalankan kuasa-kuasanya dan melaksanakan fungsi-fungsinya menurut Perjanjian.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah mempunyai keupayaan untuk—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, memegang dan melupuskan harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memulakan prosiding undang-undang.

(3) Lembaga boleh mengadakan meterai perbadanan dan boleh menggunakannya bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (2) atau bagi apa-apa perkara lain yang dipersetujui oleh Majlis.

### **Sekretariat Lembaga**

4. Sekretariat Lembaga hendaklah terletak di Kuala Lumpur.

### **Organ-organ konstituen Lembaga**

5. Lembaga adalah terdiri daripada Perhimpunan Agung, Majlis, Sekretariat dan Jawatankuasa Teknikal yang mempunyai kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian.

**Pemberikuasaan untuk menandatangani Perjanjian dan menjadi anggota Lembaga**

6. (1) Bank adalah diberi kuasa untuk menandatangani dan menyetujui terima Perjanjian dan menjadi anggota penuh Lembaga dan untuk menjalankan hak atau melaksanakan tugas-tugas atau fungsi-fungsinya berhubung dengan keanggotaannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Bank boleh—

- (a) membayar apa-apa fi keanggotaan kepada Lembaga sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa di bawah Perjanjian;
- (b) memberikan, menyumbangkan, meminjamkan atau mendahulukan apa-apa jumlah wang atau membuat apa-apa pembayaran lain yang diperlukan bagi penubuhan Lembaga kepada Lembaga berasaskan prinsip Islam;
- (c) menyewakan kepada Lembaga atau memberikan kebenaran yang sah di sisi undang-undang kepada Lembaga untuk menghuni dan menggunakan harta tak alih Bank bagi maksud-maksud Lembaga atau bagi mengadakan rumah kediaman bagi Setiausaha Agung atau anggota-anggota lain Sekretariat dengan atau tanpa membayar caj;
- (d) menerima apa-apa bayaran yang dibuat kepadanya oleh Lembaga; dan
- (e) melaksanakan apa-apa kuasa atau fungsi yang diberikan kepadanya, atau kewajipan yang dikenakan ke atasnya, melalui atau di bawah Perjanjian.

(3) Kuasa Bank di bawah Akta ini adalah sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa Bank di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*].

**Kuasa Menteri untuk memberikan keistimewaan dan kekebalan**

7. (1) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, sama ada dengan atau tanpa sekatan atau setakat atau tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu, memberikan kesemua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang disenaraikan dalam Jadual kepada Lembaga, anggota-anggota organ-organ konstituennya atau mana-mana orang yang menghadiri apa-apa persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh Lembaga.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh melalui peraturan-peraturan—

- (a) memberikan kesemua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual kepada Lembaga;
- (b) memberikan kesemua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual kepada seseorang yang menjadi, atau tidak lagi menjadi, anggota Perhimpunan Agung atau Majlis, atau seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang sedang menghadiri, atau telah menghadiri, sesuatu persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh Lembaga sebagai wakil sesuatu Anggota;
- (c) memberikan kesemua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual kepada orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau sedang melaksanakan atau telah melaksanakan tugas-tugas, seorang Setiausaha Agung atau mana-mana anggota Sekretariat; dan
- (d) memberikan kesemua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian IV Jadual kepada orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau sedang melaksanakan atau telah melaksanakan tugas, seorang anggota Jawatankuasa Teknikal.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), peraturan-peraturan yang memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan hendaklah dibuat selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri kecuali peraturan-peraturan yang memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan mengenai perkara-perkara yang pada masa ini menjadi tanggungjawab Menteri.

(4) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang difikirkan sesuai olehnya bagi maksud seksyen ini, yang pemakaiannya bersifat umum atau yang berhubungan dengan—

- (a) anggota-anggota atau golongan-golongan Anggota yang tertentu;
- (b) anggota-anggota atau golongan-golongan anggota tertentu organ-organ konstituennya; atau
- (c) orang atau golongan-golongan orang yang tertentu.

(5) Jika, melalui peraturan-peraturan, apa-apa keistimewaan atau kekebalan diberikan kepada seseorang di bawah perenggan (2)(b), orang itu berhak untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang sama semasa dalam perjalanan ke sesuatu tempat bagi maksud mengemukakan tauliahnya atau menghadiri persidangan itu atau semasa dalam perjalanan pulang dari sesuatu tempat selepas dia tidak lagi ditauliahkan sedemikian atau selepas menghadiri persidangan itu.

(6) Jika, melalui peraturan-peraturan, apa-apa keistimewaan atau kekebalan diberikan kepada seseorang di bawah perenggan (2)(d), orang itu berhak untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang sama semasa dalam perjalanan ke sesuatu tempat bagi maksud berkhidmat dalam jawatankuasa itu atau semasa ,dalam perjalanan pulang dari sesuatu tempat selepas berkhidmat dalam jawatankuasa itu.

(7) Tertakluk kepada subseksyen (8), jika, melalui peraturan-peraturan atau melalui subseksyen (5), apa-apa keistimewaan atau kekebalan diberikan kepada seseorang yang menjadi, atau yang pernah menjadi, anggota Perhimpunan Agung atau Majlis, atau orang yang ditauliahkan kepada, atau yang sedang menghadiri, persidangan antarabangsa yang diadakan oleh Lembaga sebagai wakil sesuatu Anggota, maka seseorang yang menjadi, atau yang pernah dalam apa-apa tempoh menjadi, anggota kakitangan rasmi orang yang mula mula disebut itu berhak, berkenaan dengan tempoh itu, untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang sama dengan orang yang mula-mula disebut itu.

(8) Seseorang yang menjadi atau yang pernah menjadi wakil sesuatu Anggota atau anggota kakitangan rasmi wakil sedemikian dalam tempoh semasa dia menjadi atau pernah menjadi seorang warganegara Malaysia tidaklah berhak di bawah seksyen ini atau di bawah peraturan-peraturan untuk mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan, kecuali berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil atau anggota sedemikian mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Tiada kekebalan dalam keadaan tertentu**

**8.** Akta ini tidak memberi mana-mana orang yang dinyatakan dalam seksyen 7 apa-apa kekebalan—

- (a) berkenaan dengan sesuatu tindakan guaman oleh pihak ketiga untuk mendapatkan ganti rugi yang berbangkit

daripada suatu kemalangan yang disebabkan oleh kenderaan motor atau alat pengangkutan yang lain yang dipunyai atau dipandu oleh orang itu;

- (b) berkenaan dengan sesuatu kesalahan trafik yang membabitkan orang itu dan dilakukan oleh orang itu; dan
- (c) berkenaan dengan perkara-perkara yang menjejaskan kepentingan negara Malaysia.

### **Penepian**

**9.** (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk menepikan kekebalan-kekebalan yang diberikan kepada mana-mana orang yang disebut dalam seksyen 7 jika kekebalan itu boleh menghalang proses keadilan dan jika kekebalan itu boleh ditepikan tanpa menjejaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

(2) Setiausaha Agung, dengan persetujuan Majlis, hendaklah mempunyai kuasa untuk menepikan kekebalan-kekebalan yang diberikan kepada Lembaga bagi maksud apa-apa transaksi komersial yang dibuat oleh Lembaga.

(3) Setiausaha Agung hendaklah mempunyai kuasa untuk menepikan kekebalan-kekebalan yang diberikan kepada anggota-anggota Sekretariat (selain kekebalannya sendiri) menurut seksyen 7 jika dia berpendapat bahawa kekebalan-kekebalan itu menghalang pelaksanaan keadilan dan jika kekebalan-kekebalan itu boleh ditepikan tanpa menjejaskan kepentingan Lembaga.

### **Kuasa untuk melantik wakil**

**10.** Majlis boleh, melalui surat cara yang dimeterai dengan meterai perbadanan Lembaga, melantik mana-mana orang sama ada di Malaysia atau di suatu tempat di luar Malaysia sebagai wakil Lembaga, dan orang yang dilantik itu boleh, tertakluk kepada surat cara yang berkenaan, melakukan apa-apa perbuatan atau melaksanakan apa-apa kuasa atau fungsi yang dia diberi kuasa melalui surat cara itu untuk melakukan atau melaksanakannya.

---

## JADUAL

## [Seksyen 7]

KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN LEMBAGA, ORGAN-ORGAN  
KONSTITUENNYA DAN ORANG YANG BERKAITAN*Bahagian I—Keistimewaan dan kekebalan Lembaga*

1. Kekebalan Lembaga, dan kekebalan harta dan aset Lembaga, atau harta dan aset dalam jagaan atau yang ditadbirkan oleh Lembaga, daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang.
2. Ketidakbolehcabulan harta dan aset Lembaga, atau harta dan aset dalam jagaan atau yang ditadbirkan oleh Lembaga, dan premis Lembaga atau premis yang dihuni oleh Lembaga.
3. Ketidakbolehcabulan arkib.
4. Tertakluk kepada seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran 1953 [*Akta 17*], pengecualian daripada sekatan mata wang dan pertukaran.
5. Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri bagi melindungi hasil, pengecualian daripada semua duti dan cukai atas—
  - (a) barang-barang yang diimport atau dieksport oleh Lembaga bagi kegunaan rasminya;
  - (b) barang-barang buatan tempatan yang diperoleh oleh Lembaga bagi kegunaan rasminya; dan
  - (c) penerbitan-penerbitan rasmi Lembaga yang diimport atau dieksport olehnya.
6. Pengecualian daripada cukai pendapatan dan cukai-cukai pendapatan tambahan atas pendapatan Lembaga atau cukai keuntungan harta tanah atas keuntungan daripada pelupusan harta Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, setakat yang diperoleh daripada atau diurusniagakan dalam ruang lingkup aktiviti-aktiviti rasminya.
7. Pengecualian daripada duti-duti setem yang lazimnya kena dibayar oleh Lembaga.
8. Pengecualian daripada larangan dan sekatan terhadap pengimportan atau pengeksportan—
  - (a) barang-barang yang diimport atau dieksport oleh Lembaga bagi kegunaan rasminya; dan
  - (b) penerbitan-penerbitan Lembaga yang diimport atau dieksport olehnya.
9. Ketiadaan penapisan bagi surat-menyurat rasmi dan komunikasi-komunikasi rasmi yang lain.

10. Hak untuk menggunakan kod dan menghantar dan menerima surat-surat dan menghantar dan menerima kertas-kertas dan dokumen-dokumen lain melalui kurir atau dalam beg-beg bermeterai dan mendapatkan mana-mana kurir atau beg sedemikian dikira sebagai kurir diplomatik atau beg diplomatik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

*Bahagian II—Keistimewaan dan kekebalan anggota Perhimpunan Agung, Majlis, atau mana-mana orang yang mewakili sesuatu Anggota*

1. Kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri.
2. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian.
3. Ketidakbolehcabulan kertas-kertas dan dokumen-dokumen.
4. Hak untuk menggunakan kod dan menghantar dan menerima surat-surat dan menghantar dan menerima kertas-kertas dan dokumen-dokumen lain melalui kurir atau dalam beg-beg bermeterai.
5. Pengecualian (termasuk pengecualian bagi suami atau isteri wakil) daripada pemakaian undang-undang yang berhubungan dengan imigresen, pendaftaran orang asing dan obligasi melaksanakan perkhidmatan negara.
6. Pengecualian daripada sekatan-sekatan mata wang atau pertukaran setakat yang diberikan kepada wakil sesuatu kerajaan asing yang melaksanakan misi sementara bagi pihak kerajaan itu.

*Bahagian III—Keistimewaan dan kekebalan Setiausaha Agung dan anggota Sekretariat*

1. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian.
2. Pengecualian daripada cukai pendapatan atas gaji dan emolumen rasmi yang diterima daripada Lembaga.
3. Pengecualian (termasuklah pengecualian suami atau isteri dan anak-anak yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun) daripada pemakaian undang-undang yang berhubungan dengan imigresen dan pendaftaran orang asing.
4. Pengecualian daripada obligasi melaksanakan perkhidmatan negara.
5. Pengecualian daripada sekatan mata wang atau pertukaran setakat yang diberikan kepada pegawai yang sebanding pangkatnya yang menganggotai sesuatu misi diplomatik.
6. Kemudahan-kemudahan repatriasi termasuk kemudahan-kemudahan repatriasi bagi suami atau isteri dan mana-mana saudara tanggungan) semasa berlaku krisis antarabangsa.

7. Hak untuk mengimport perabot dan barang-barang peribadi, termasuk satu kenderaan motor, tanpa dikenakan duti dan cukai semasa mula-mula menjawat sesuatu jawatan di Malaysia dan untuk mengeksport perabot dan barang-barang peribadi tanpa dikenakan duti dan cukai semasa meninggalkan Malaysia apabila tamat fungsi-fungsinya.

*Bahagian IV—Keistimewaan dan kekebalan orang yang berkhidmat dalam Jawatankuasa Teknikal*

1. Kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri.
  2. Kekebalan daripada guaman atau proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan semasa berkhidmat dalam jawatankuasa.
  3. Ketidakbolehcabulan kertas-kertas dan dokumen-dokumen.
  4. Hak, bagi maksud berkomunikasi dengan Lembaga, untuk menggunakan kod dan untuk menghantar dan menerima surat-surat dan menghantar dan menerima kertas-kertas dan dokumen-dokumen lain melalui kurir atau dalam beg-beg bermeterai.
  5. Pengecualian daripada sekatan-sekatan mata wang atau pertukaran setakat yang diberikan kepada wakil sesuatu kerajaan asing yang melaksanakan misi sementara bagi pihak kerajaan itu.
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 623****AKTA LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN  
ISLAM 2002**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari– TIADA –  

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 623**

**AKTA LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN  
ISLAM 2002**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa  
dari

– TIADA –

---